

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk mewajibkan suntikan vaksin pneumococcal, kaedah dan sasaran yang akan menerima vaksin tersebut. Adakah tender telah dilakukan, syarikat apa yang telah mendapat tender tersebut dan apakah jenis vaksin yang diperolehi, sama ada ia adalah PCV13 atau PCV10.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Imunisasi Pneumokokal yang dilaksanakan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan untuk Kanak-Kanak melibatkan kira-kira **500,000 kanak-kanak setiap tahun** telah bermula pada **1 Disember 2020 di semua Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan di seluruh negara.**
2. Kanak-kanak warganegara yang lahir pada **1 Januari 2020 dan seterusnya** adalah **layak** untuk menerima suntikan vaksin pneumokokal secara percuma di klinik kesihatan KKM.
3. Kanak-kanak bukan warganegara yang lahir pada 1 Januari 2020 dan seterusnya juga layak untuk menerima suntikan vaksin tersebut di klinik kesihatan KKM, namun **tertakluk kepada caj di bawah Perintah Fi Perubatan (Kos Perkhidmatan) 2014.**

4. Setiap kanak-kanak akan menerima **tiga (3) dos suntikan vaksin pneumokokal** konjugat (*pneumococcal conjugate vaccine*, PCV), iaitu:
- a. Dua (2) dos primer pada umur 4 bulan dan 6 bulan; diikuti dengan
 - b. Satu (1) dos penggalak (*booster*) pada umur 15 bulan.
5. Bagi kanak-kanak yang lahir pada 1 Januari 2020 dan seterusnya, namun telah melepasi usia 4 bulan, penjadualan semula pemberian suntikan vaksin pneumokokal akan dibuat mengikut kesesuaian umur.
6. Memandangkan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum pulih, pelaksanaan pemberian suntikan vaksin pneumokokal akan dilaksanakan di klinik kesihatan KKM secara temujanji, bagi memastikan kepatuhan kepada norma baharu dalam usaha mencegah penularan penyakit COVID-19.
7. Perolehan vaksin pneumokokal telah dibuat **secara tender terbuka**, dengan mengikut segala tatacara perolehan Kerajaan. Kontrak pembekalan vaksin pneumokokal telah ditandatangani dengan **Syarikat MS Ally Sdn. Bhd.**, dengan tempoh kontrak **selama dua (2) tahun**.
8. Vaksin yang akan digunakan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan bagi tempoh dua (2) tahun pertama pelaksanaan adalah vaksin **PCV-10 (Synflorix keluaran Syarikat GSK)**, yang melindungi terhadap sepuluh (10) *serotype* bakteria *Streptococcus pneumoniae* atau pneumokokus, iaitu *serotype* iaitu 1, 4, 5, 6B, 7F, 9V, 14, 18C, 19F dan 23F. Vaksin ini juga memberi perlindungan *cross-reactivity* terhadap *serotype* 19A.

Sekian, terima kasih.